


# Mencipta memori, mengabadikan kenangan

## Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2019



### DARI KAMPUS

14.11.2019 15  
**KOTA KINABALU:** November merupakan bulan yang sentiasa dinantikan khususnya bagi bakal graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana pada ketika inilah segala suka duka dan pengorbanan pelajar sepanjang tempoh tiga atau empat tahun akan dibalas dengan penghargaan dan dimanifestasikan di dalam bentuk Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah.

Pada tahun ini, Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah akan diadakan bermula pada 23 hingga 25 November 2019 di mana terdapat enam sidang akan berlangsung sepanjang tempoh tarikh berkenaan.

Pada majlis bersejarah ini nanti dijangkakan seramai 4,157 orang pelajar yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda sehinggalah ke Ijazah Doktor Falsafah daripada pelbagai fakulti dan institut bakal diraikan.

Bermula pada tahun 1999 sehingga 2019 seramai 75,197 orang graduan diraikan di dalam majlis yang bersejarah ini.

Sebagaimana hampir di kebanyakan Universiti Awam yang lain, di mana

Majlis Konvokesyen tidak akan bermakna atau kurang serinya jika tidak disatukan dengan Pesta Konvokesyen yang menyajikan pelbagai pengisian aktiviti yang menarik, gerai-gerai jualan makanan dan minuman yang pelbagai ditambah tapak-tapak pameran yang berinformatif serta diserikan lagi dengan persembahan artis-artis tempatan yang pastinya meninggalkan kenangan yang pelbagai bagi sesiapa sahaja yang mengunjunginya.

Jika Universiti Malaya mampu berbangga dengan Festival Konvokesyen Universiti Malaya (FESKUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pula gah dengan UNIMAS Convocation Festival (ConFest), UMS juga turut terkenal dengan Pesta Konvokesyennya iaitu Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (Tamu Gadang).

Pada tahun ini Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah 2019 sudah berusia 21 tahun dan ia telah sinonim dengan masyarakat dan penduduk di sekitar Kota Kinabalu khususnya dan Sabah amnya.

Pada tahun ini, Tamu Gadang 2019 UMS akan berlangsung lebih awal daripada Majlis Konvokesyen UMS iaitu pada 19 hingga 25 November 2019 yang bakal berlangsung selama lebih kurang hampir seminggu.

Program ini akan diadakan di Padang Kawad UMS, bermula seawal jam 9 pagi dan bakal berakhir

pada jam 11 malam.

Program Tamu Gadang UMS 2019 pada kali ini akan menampilkan pelbagai pengisian aktiviti dan bakal disajikan serta dihiburkan dengan pelbagai persembahan serta.

Kemuncak program ini adalah di dalam Majlis Perasmian Tamu Gadang UMS 2019 yang bakal diadakan pada 20 November dan bakal dirasmikan sendiri oleh Naib Canselor UMS yang baharu iaitu Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Dijangka sebanyak 130 gerai dan tapak jualan bakal dibuka khususnya melibatkan jualan barang-barang kering dan basah pada ketika itu nanti dan dijangkakan lebih daripada 50,000 orang bakal pengunjung akan mengunjunginya nanti.

Program Tamu Gadang UMS 2019 ini ditaja oleh syarikat DZ Artwork dan dianjurkan di bawah penguurusan Mafest Event.

Pengurusan di peringkat UMS bagi program Tamu Gadang UMS 2019 ini diuruskan oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Hal EHWal Pelajar UMS dan beberapa jabatan lain di dalam UMS dan di peringkat pelajar pula kumpulan pengurusanannya diketuai oleh Mohd Shahrhan Sulaiman.

Bagi program Tamu Gadang UMS 2019 kali ini terdapat pelbagai pengisian dan aktiviti yang menarik bakal disediakan buat pengunjung program itu kelak.

Terdapat beberapa program pertandingan

bakal diadakan bagi memeriahkan program tersebut kelak antaranya termasuklah Pertandingan Tarian Melayu Kreatif Terbuka (23 November), Pertandingan ratu Fesyen Kanak-Kanak (20 November), Karnival Ria: Pertandingan Mewarna (23 November), Festival Keseniaan: Rentak Kugiran (23 November - 24 November), Pertandingan Menghias Kek (24 November), Festival Kesenian: Fit Dance Competition (19 November dan 24 November), Festival Kesenian: Pertandingan Nyanyian Kategori Solo dan Duet (21 November - 22 November), Karnival Ria Buskers Santai (Sepanjang Tamu Gadang UMS 2019), Karnival Ria: Pertandingan Lumba Makan (25 November), Karnival Ria: Pertandingan Beyblade (23 November), dan Karnival Ria: Pertandingan E-Sports ML (24 November).


Di samping itu, Tamu Gadang UMS 2019 juga bakal menyajikan pengunjung yang hadir dengan persembahan artis tempatan Malaysia antaranya termasuklah Ella, Raja Ema, Sharifah Shahora, K-Clique, Estranged, Lia Natalia, Sheila Rusly, Putra Amarlis, Nazeera Sardi, Ismail Izzani, Syed Ali dan ramai lagi.

Persembahan artis tempatan Malaysia ini akan berlangsung setiap hari sepanjang Tamu Gadang UMS 2019 dibuka mulai 19 hingga 25 November nanti.

Di samping itu, terdapat hampir 5,000 cenderamata



JAYAKAN TAMU: Antara Artis yang menjayakan Tamu Gadang UMS kali ke-21.



STATISTIK: Statistik graduan UMS sejak ditubuhkan hingga kini.

dan RM5,000 baucar beli belah bakal diberikan kepada pengunjung yang bertuah pada program itu kelak.

Gerai-gerai jualan dan tapak pameran juga turut dibuka sebagai suatu usaha bagi memeriahkan program berkenaan.

Melalui hampir 130 gerai jualan yang akan dibuka setiap hari melibatkan gerai barang kering dan basah

ia dilihat mampu menjadi tarikan utama pengunjung khususnya bagi mereka yang ingin merasa produk atau makanan tempatan daripada pelbagai daerah khususnya.

Melalui pelbagai pengisian dan aktiviti yang telah disusun oleh Jawatankuasa Pelaksana Tamu Gadang UMS 2019, pastinya ia mampu menarik pengunjung yang datang bukan

sahaja bagi meraikan ahli keluarga yang bakal menamatkan pengajian di dalam Majlis Konvokesyen UMS 2019 nanti, tetapi dalam pada masa yang sama pelbagai memori akan dicipta pelbagai kenangan akan bakal diabadikan sebagai suatu catatan terindah di dalam Tamu Gadang UMS 2019 nanti. (Artikel sumbangan Wijaya Kamal Ramlan)